

<b>PENTING/ PENAFIAN</b>		Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini dan Terma dan Syarat Am sebelum anda memohon dan memutuskan untuk melanggani produk ini.		
<b>INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT. PRODUK INI TIDAK DILINDUNGGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM).</b>		iGAIN 16 FEBRUARI 2025		
<b>1. Apakah maklumat berkaitan produk ini?</b>				
<b>Pengenalan Mengenai Produk</b>	iGain adalah akaun pelaburan transaksi di mana Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) masih boleh memilih kemudahan perbankan seperti Perbankan Mudah Alih, Kad Debit, Arahan Tetap dan sebagainya.			
<b>Jenis-Jenis Akaun Pelaburan</b>	<p><b>"Akaun Pelaburan Tidak Terhad"</b> merujuk kepada jenis akaun pelaburan di mana Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) memberikan mandat penuh kepada pihak Bank untuk membuat keputusan muktamad tanpa menyatakan apa-apa sekatan atau syarat-syarat tertentu.</p> <p><b>"Akaun Pelaburan"</b> seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) bermaksud suatu akaun di mana wang dibayar dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi peruntukan kewangan, selaras dengan prinsip Syariah dengan terma yang nyata atau tersirat bahawa tiada obligasi/tanggungjawab untuk membayar balik wang itu sepenuhnya dan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) sama ada hanya keuntungan, atau kedua-dua keuntungan atau kerugian, yang dikongsi di antara orang yang membayar wang dan orang yang menerima wang itu; atau</li> <li>(b) dengan atau tanpa apa-apa pulangan.</li> </ul> <p>Bagi tujuan iGain ini dan berdasarkan prinsip Mudarabah, IAH dan Bank akan berkongsi apa-apa keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti pelaburan yang diuruskan oleh Bank manakala kerugian kewangan akan ditanggung oleh IAH sahaja dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan salah laku, kecuaian, atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh Bank.</p>			
<b>Pihak-Pihak yang Terlibat dalam Aktiviti Pelaburan Serta Peranan dan Tanggungjawabnya</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pihak-pihak yang terlibat adalah IAH sebagai penyedia modal dan Bank bertindak sebagai usahawan. Bank sebagai usahawan akan bertanggungjawab untuk menguruskan modal yang disediakan oleh IAH terhadap aktiviti pelaburan.</li> <li>• IAH tidak akan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pelaburan.</li> </ul>			
<b>Ciri-Ciri Tambahan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• IAH boleh melanggani Perbankan Internet atau GO by Bank Islam selepas pembukaan iGain dengan Bank Islam.</li> <li>• Pemberian buku cek adalah atas permintaan IAH.</li> </ul>			
<b>2. Apakah konsep Syariah yang terlibat?</b>				
<p>Produk ini berdasarkan prinsip <b>Mudarabah</b>.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Mudarabah:</b> Satu bentuk kontrak antara penyedia modal (Rabbul Mal) dan seorang usahawan (Mudarib) di mana Rabbul Mal menyediakan modal yang akan diuruskan oleh Mudarib dan apa-apa keuntungan yang dijana daripada modal tersebut akan dikongsi di antara Rabbul Mal dan Mudarib mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui bersama manakala kerugian kewangan akan ditanggung sepenuhnya oleh Rabbul Mal dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan salah laku, kecuaian, atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh Mudarib.</li> </ul> <p>Di bawah iGain, IAH bertindak sebagai penyedia modal (Rabbul Mal) yang akan diuruskan oleh Bank yang bertindak sebagai usahawan (Mudarib) dengan tujuan berkongsi keuntungan yang dijana daripada aktiviti pelaburan yang diuruskan oleh Bank.</p>				
<b>3. Produk ini sesuai untuk siapa?</b>				
<b>Pasaran Sasaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu (Pemastautin dan Bukan Pemastautin).</li> <li>• Bukan Individu (Perniagaan/ Entiti-entiti Lain).</li> </ul>			
<b>Jenis Akaun</b>	Individu, Akaun Bersama, Akaun Amanah, Persatuan, Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan-Badan Agama, Masjid, Sekolah/ Universiti, Kelab dan apa-apa jenis akaun sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.			
<b>Risiko Prinsipal Pelaburan</b>	Amaun pelaburan dan pulangannya tidak dijamin.			
<b>Tempoh untuk Memegang Pelaburan</b>	Tiada tarikh matang dan pengeluaran adalah fleksibel.			
<b>Had Pelaburan</b>	Tiada had pelaburan.			

#### 4. Apakah jenis pelaburan yang terlibat?

Objektif Pelaburan, Strategi dan Polisi	Objektif	Menawarkan peluang kepada IAH untuk mendapatkan pulangan yang stabil dan berkala di samping membolehkan IAH membuat pelaburan dan pengeluaran melalui transaksi di kaunter, cek, perbankan internet dan sebagainya.																								
	Strategi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan pelaburan mencapai objektifnya sejajar dengan peruntukan aset bagi melindungi portfolio pelaburan.</li> <li>Bank Islam melabur dalam Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap dengan tujuan untuk melindungi prinsipal dan menjana pulangan yang stabil.</li> </ul>																								
	Polisi	Menguruskan pulangan portfolio yang sejajar dengan keperluan pengurusan keairan Bank, strategi aset dan perlindungan prinsipal pelaburan IAH.																								
Penilaian Risiko ke atas Prestasi Aset Pelaburan	Pengurusan portfolio aset kewangan runcit bercagar yang proaktif dan prestasi laporan portfolio pelaburan boleh dilihat melalui laman sesawang Bank Islam.																									
Amaun Pelaburan Permulaan Minimum dan Baki Minimum	<p>RM1,000.00 (Individu dan Akaun Bersama)            RM2,000.00 (Bukan Individu)</p> <p><b>Nota:</b> Amaun pelaburan permulaan minimum tidak termasuk sebarang yuran dan caj yang dikenakan oleh pihak Bank. IAH dikehendaki mengekalkan baki minimum dalam akaun pada setiap masa sebelum mengeluarkan sebarang cek, memindahkan sebarang dana atau melakukan sebarang transaksi melainkan akaun itu ditutup.</p>																									
Tempoh Pelaburan	Tiada tempoh minimum atau maksimum yang ditetapkan.																									
Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) dan Pengiraan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Apa-apa keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti pelaburan, jika ada, hendaklah dikongsi di antara Bank Islam dan IAH mengikut nisbah perkongsian keuntungan (PSR) yang telah dipersetujui seperti yang dinyatakan di dalam laman web Bank Islam di <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>.</li> <li>PSR yang baharu akan ditukar dan berkuat kuasa pada 16 hari bulan setiap bulan. PSR yang baharu akan dipaparkan di cawangan/ premis Bank Islam atau dikemas kini di laman web Bank Islam di <a href="#">Deposit &amp; Financing Rates – Bank Islam Malaysia Berhad</a>. IAH diingatkan untuk melayari laman web Bank Islam dan papan maklumat di cawangan secara berkala untuk PSR terkini.</li> <li>Maklumat di bawah adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja</li> </ol> <p>Ilustrasi :</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th rowspan="2" style="text-align: center; background-color: #C8512E; color: white;">Baki (RM)</th> <th colspan="2" style="text-align: center; background-color: #C8512E; color: white;">Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)</th> <th rowspan="2" style="width: 20%; vertical-align: middle; background-color: #FADBD8; padding: 10px;"><b>Formula:</b>  Baki Harian Pelaburan x Kadar Kasar (%) x PSR (%) x Bilangan Hari dalam Sebulan / 365</th> </tr> <tr> <th style="text-align: center;">IAH (%)</th> <th style="text-align: center;">Bank (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">50,000 ke bawah</td> <td style="text-align: center;">4.01</td> <td style="text-align: center;">95.99</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">50,000 – 100,000</td> <td style="text-align: center;">34.46</td> <td style="text-align: center;">65.54</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">100,000 ke atas</td> <td style="text-align: center;">34.46</td> <td style="text-align: center;">65.54</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Dorman (tanpa mengira baki)</td> <td style="text-align: center;">2.40</td> <td style="text-align: center;">97.60</td> </tr> </tbody> </table> <p>Di mana:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar Kasar = kadar pulangan kasar tahunan di mana perkongsian keuntungan untuk pelaburan berdasarkan Mudarabah dibuat. Pulangan sebenar dibayar kepada IAH adalah berdasarkan PSR yang dipersetujui pada kadar pulangan kasar semasa.</li> <li>Kadar pulangan kasar mungkin berubah pada setiap 16 haribulan.</li> </ul> <p><b>Contoh Pengiraan:</b></p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="padding-right: 20px;">Tarikh Akaun Dibuka</td> <td>= 1 Ogos 2020</td> </tr> <tr> <td>Tarikh Bulan Berakhir</td> <td>= 31 Ogos 2020</td> </tr> <tr> <td>Bilangan Hari dalam Sebulan</td> <td>= 31 hari</td> </tr> </table>		Baki (RM)	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)		<b>Formula:</b>  Baki Harian Pelaburan x Kadar Kasar (%) x PSR (%) x Bilangan Hari dalam Sebulan / 365	IAH (%)	Bank (%)	50,000 ke bawah	4.01	95.99	50,000 – 100,000	34.46	65.54	100,000 ke atas	34.46	65.54	Dorman (tanpa mengira baki)	2.40	97.60	Tarikh Akaun Dibuka	= 1 Ogos 2020	Tarikh Bulan Berakhir	= 31 Ogos 2020	Bilangan Hari dalam Sebulan	= 31 hari
Baki (RM)	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)			<b>Formula:</b>  Baki Harian Pelaburan x Kadar Kasar (%) x PSR (%) x Bilangan Hari dalam Sebulan / 365																						
	IAH (%)	Bank (%)																								
50,000 ke bawah	4.01	95.99																								
50,000 – 100,000	34.46	65.54																								
100,000 ke atas	34.46	65.54																								
Dorman (tanpa mengira baki)	2.40	97.60																								
Tarikh Akaun Dibuka	= 1 Ogos 2020																									
Tarikh Bulan Berakhir	= 31 Ogos 2020																									
Bilangan Hari dalam Sebulan	= 31 hari																									

	Baki Harian		PSR (IAH:Bank)	Kadar Kasar (%)	Pengiraan Keuntungan	Hasil Untung (RM)
	Tarikh	RM				
01/08/2020 – 10/08/2020	40,000.00	4.01:95.99	6.32	RM40,000.00 x 6.32% x 4.01% x 10/365	2.78	
11/08/2020 – 19/08/2020	20,000.00	4.01:95.99	6.32	RM20,000.00 x 6.32% x 4.01% x 9/365	1.25	
20/08/2020 – 31/08/2020	70,000.00	34.46:65.54	6.32	RM70,000.00 x 6.32% x 34.46% x 12/365	50.12	
<b>Jumlah Keuntungan Bagi Bulan Ini</b>					<b>54.15</b>	

<b>Kaedah Pembayaran Keuntungan</b>	Keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun IAH pada hujung setiap bulan atau setelah penutupan akaun.
<b>Terma dan Syarat Utama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jika akaun digunakan untuk penawaran Kemudahan Aliran Tunai-i, keperluan baki minimum tidak terpakai dan baki sifar dibenarkan.</li> <li>Terma Khas untuk penawaran Kemudahan Aliran Tunai-i boleh dirujuk di bawah.</li> </ul>
<b>Terma Khas untuk Penawaran Kemudahan Aliran Tunai-i</b>	<p>Jika akaun digunakan untuk penawaran Kemudahan Aliran Tunai-i, berikut adalah terma khas yang digariskan untuk produk ini:</p> <p>(a) Kontrak Mudarabah akan tamat apabila baki akaun adalah sifar;</p> <p>(b) Apabila wujudnya baki yang ada dalam akaun, kontrak Mudarabah diaktifkan semula ketika penempatan wang dibuat; dan</p> <p>(c) PSR yang telah dipersetujui bersama antara IAH dan Bank akan digunakan ke atas baki yang ada dalam akaun.</p> <p><b>Nota:</b> Jika anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Kemudahan Aliran Tunai-i, sila rujuk kepada Lembaran Maklumat Produk (PDS) bagi Kemudahan Aliran Tunai-i.</p>

## 5. Apakah hasil yang mungkin saya dapat daripada pelaburan saya?

Sila layari laman web kami di <https://www.bankislam.com/personal-banking/other-information/possible-outcome-of-investment/> untuk maklumat lanjut.

## 6. Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?

Bank akan mengenakan kawalan pengurusan risiko ke atas portfolio, undang-undang dan aktiviti operasi; termasuk peruntukan aset, pematuhan kecairan kepada objektif pelaburan dan parameter, penilaian, pemantauan prestasi, pematuhan syariah dan lain-lain seperti yang dinyatakan di dalam Polisi Akaun Pelaburan Bank Negara Malaysia (BNM). Walaupun demikian, pada masa-masa kesukaran dalam pasaran, Bank boleh menguruskan peruntukan aset untuk melindungi portfolio pelaburan dengan syarat pelaburan tersebut adalah dalam lingkungan objektif pelaburan dana.

Oleh itu, anda dinasihatkan supaya mempertimbangkan semua faktor-faktor risiko dengan berhati-hati sebelum membuat keputusan pelaburan. Antara risiko-risiko yang berkaitan dengan akaun pelaburan termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

- Risiko Kehilangan Modal:** merujuk kepada potensi pengurangan nilai amanu pelaburan asal.
- Risiko Pasaran:** merujuk kepada kemungkinan kesan pergerakan harga (contohnya kadar keuntungan, kadar pertukaran mata wang asing atau harga ekuiti, mana-mana berkenaan) pada nilai ekonomi sesuatu aset.
- Risiko Kecairan:** merujuk kepada potensi ketidakupayaan Bank untuk memenuhi permintaan pengeluaran jangka pendek daripada IAH.
- Risiko Kredit:** merujuk kepada peristiwa yang mungkin berlaku apabila sejumlah besar aset untuk dana tertakluk kepada kemungkinan.
- Risiko Perundangan:** IAH perlu memastikan bahawa, penyertaan dalam pelaburan ini tidak melanggar sebarang undang-undang, peraturan, kontrak atau apa-apa batasan undang-undang lain yang boleh dikenakan kepada pelabur. Pelaburan ini tertakluk kepada semua undang-undang, peraturan dan garis panduan. Sekiranya berlaku apa-apa perubahan dalam undang-undang, peraturan atau garis panduan tersebut, Bank Islam mungkin diwajibkan untuk mengubah sebahagian atau kesemua terma dan syarat pelaburan, termasuk kemungkinan penamatan awal.
- Risiko Ketidakpatuhan Syariah:** merujuk kepada kemungkinan kegagalan untuk mematuhi keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM dan piawaian mengenai perkara-perkara Syariah yang dikeluarkan oleh BNM atau keputusan atau nasihat Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam.

**7. Apakah yuran dan caj yang terlibat?**

Jenis Caj	Caj	Kadar / Jumlah
Penutupan Awal Akaun	Dalam tempoh 3 bulan	RM20.00
Akaun Dorman	Dengan baki hingga RM5.00	Akaun akan ditutup dan baki ini akan diserap oleh Bank sebagai caj perkhidmatan.
Yuran-yuran dan Caj-caj Lain	Sila rujuk yuran-yuran dan caj-caj melalui laman sesawang Bank bagi setiap produk/perkhidmatan berkaitan.	

**Nota:** IAH bersetuju bahawa pihak Bank berhak untuk mengenakan bayaran bagi sebarang perkhidmatan yang diberikan kepada IAH pada kadar yang ditetapkan oleh Bank (seperti yang diluluskan oleh BNM dan tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah) dan seperti yang dinyatakan di dalam PDS dan/atau laman sesawang Bank.

**8. Apakah strategi penilaian yang digunakan, kekerapannya dan di manakah ianya diterbitkan?**

Penilaian akan dibuat sekurang-kurangnya setiap bulan selaras dengan kriteria pengiktirafan dan pengukuran Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS). IAH boleh mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan akaun pelaburan melalui laman sesawang Bank Islam di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**9. Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut atau membuat aduan?**

Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:

**Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan  
Bank Islam Malaysia Berhad**  
Tingkat 17, Menara Bank Islam  
No 22, Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Tel.: 03 2690 0900  
Faks: 03 2782 1337  
E-mel: [customercare@bankislam.com.my](mailto:customercare@bankislam.com.my)

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNM TELELINK di:

- (a) Melalui telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
- (b) Melalui faks : 03 2174 1515
- (c) Melalui e-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)
- (d) Melalui surat : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)  
Bank Negara Malaysia  
P.O. Box 10922  
50929 Kuala Lumpur

**AMARAN:**

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURANINI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET YANG DIPERUNTUKKAN. JUMLAH PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN MENANGGUNG RISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN ATAU MENGALAMI KERUGIAN PADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PRINSIPAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURANINI TIDAK DILINDUNGIOLEH PIDM.**

**Nota:**

- Maklumat yang terkandung di sini adalah tepat pada masa penerbitan dan tertakluk kepada perubahan mengikut kaedah, peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.
- Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah mulai 16 Februari 2025.

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh: